

Fadillah sah GPS sokong pentadbiran Anwar

BH - 16/12/2022

m/k: 4

Perjanjian kerjasama dijangka dimeterai hari ini

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Mohd Zaky
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mengesahkan parti politik yang menyokong pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan memeterai perjanjian kerjasama hari ini.

Ini mendahului usul percaya yang bakal dibentangkan di De-

wan Rakyat, Isnin ini.

Beliau berkata, perjanjian itu membabitkan semua ketua parti yang sebelum ini menyatakan sokongan terhadap Perdana Menteri.

“Semua ketua parti sudah berbincang. Hari ini (semalam) saya balik ada mesyuarat pada peringkat Gabungan Parti Sarawak (GPS) untuk melihat kandungan perjanjian,” katanya yang juga Ketua Whip GPS, di sini, semalam.

Dalam perkembangan sama, Presiden WARISAN, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dalam kenyataan memaklumkan parti politik yang menyokong Kerajaan Perpaduan akan memeterai perjanjian hari ini dalam usaha me-



Fadillah (dua dari kiri) beramah mesra bersama graduan pada Majlis Konvokesyen Institut Perladangan Dan Komoditi (IMPAC) Ke-8, di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

ngukuhkan kerajaan pimpinan Anwar.

Perjumpaan Jumaat ini

Shafie berkata, beliau akan hadir pada majlis itu sejajar sokongan WARISAN kepada Anwar selaku Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan yang diketuainya.

“Kita akan mengadakan perjumpaan pada Jumaat ini untuk menandatangani perjanjian di antara Pakatan Harapan (PH) dengan parti yang lain, saya akan

hadir pada ketika itu.

“Ini keutamaan kita. Kurangkan berpolitik. Yang penting kepada kita membawa perkara-perkara sewajarnya di landasan yang sepatutnya,” katanya dalam kenyataan selepas menerima Kunjungan Hormat Wakil Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia, Timbalan Ketua Mission Michael Newbill di kediamannya, di Kota Kinabalu kelmarin.

Mengulas lanjut, Fadillah ber-

kata, beliau tidak mempunyai maklumat mengenai inti pati perjanjian itu.

Beliau berkata, isu membabitkan janji dalam manifesto juga tidak dibincangkan pada mesyuarat Kabinet kerana itu tidak boleh mengikut parti tertentu, berikutan pentadbiran ketika ini adalah Kerajaan Perpaduan.

Katanya, tumpuan kerajaan ketika ini ialah menangani kos sara hidup.